



**UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS**
لونیورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PEMERIKSA DISERTASI/TESIS PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

-Untuk kegunaan dalaman sahaja-

*Diluluskan Mesyuarat JPS Kali Ke-129 Bil.6/2017 bertarikh 20 Jun 2017
Pindaan Senat Kali Ke-179 Bil. 6/2019 bertarikh 18 Jun 2019*

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PEMERIKSA DISERTASI/TESIS PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH

1. Pelantikan Pemeriksa

- 1.1 Fakulti/Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah mencadangkan kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JPS) untuk perakuan pelantikan pemeriksa dalam kalangan kakitangan akademik Universiti untuk memeriksa disertasi/tesis pelajar program Sarjana dan Doktor Falsafah (kecuali pelajar Sarjana secara mod kerja kursus).
- 1.2 Cadangan nama pemeriksa disertasi/tesis perlu dibincangkan di peringkat Fakulti/PTj sebelum dibawa ke Mesyuarat JPS untuk perakuan. Penyelia tidak dibenarkan untuk memilih nama pemeriksa tetapi boleh memberi pendapat sekiranya diminta oleh pihak Fakulti/PTj.
- 1.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (MJPSF) perlu memastikan nama pemeriksa yang dicadangkan sesuai dengan tajuk kajian, masih aktif di mana-mana institusi pengajian dan mempunyai kelayakan/kepakaran dalam bidang yang berkaitan.
- 1.4 Kriteria pelantikan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar disertasi/tesis adalah ditetapkan seperti berikut:-
 - 1.4.1 **Ijazah Doktor Falsafah (satu (1) orang Pemeriksa Dalam dan dua (2) orang pemeriksa luar):**
 - **Pemeriksa Dalam** hendaklah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dan sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman sebagai pensyarah selama **lima (5) tahun**. Fakulti/PTj perlu mencadangkan sekurang-kurangnya **dua** orang nama pemeriksa untuk dibawa ke Mesyuarat JPS.
 - **Pemeriksa Luar** hendaklah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dan berjawatan sekurang-kurangnya Profesor Madya (DS54) ke atas. Fakulti perlu mencadangkan sekurang-kurangnya **tiga** orang nama pemeriksa untuk dibawa ke Mesyuarat JPS.
 - **Lantikan Pemeriksa Luar bergred DS52** dibenarkan sekiranya tiada pakar bidang berkaitan bergred DS54 ke atas.

- **Salah seorang Pemeriksa Luar** yang dicadangkan digalakkan daripada luar negara tertakluk pada ketetapan JPS Kali Ke-129 Bil. 6/2017 seperti berikut:

Cadangan Pemeriksa	Justifikasi
Dua orang Pemeriksa Luar (Seorang pemeriksa dari luar negara dan seorang pemeriksa dari dalam negara.)	<ul style="list-style-type: none"> - Penulisan tesis dalam bahasa Inggeris. Tesis dalam bahasa Melayu digalakkan seorang pemeriksa dari luar negara sekiranya perlu. - Bidang kepakaran yang diperlukan. - Calon pemeriksa bersetuju menyemak tesis pelajar.
Dua orang Pemeriksa Luar (Kedua-dua orang Pemeriksa Luar dari dalam negara.)	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada kepakaran dalam bidang yang berkaitan dan pelajar telah menghantar tesis awal ke IPS. - Pemeriksa dari luar negara yang dicadangkan tidak memberikan sebarang maklum balas/menolak untuk memeriksa tesis pelajar.

- Nama pemeriksa yang tiada di dalam bank pemeriksa perlu dibawa ke Mesyuarat Senat untuk kelulusan. Cadangan nama pemeriksa bergred DS54 ke atas sahaja akan dibawa kecuali kes-kes khas.

1.4.2 Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan (satu (1) orang Pemeriksa Dalam dan satu (1) orang Pemeriksa Luar):

- **Pemeriksa Dalam** hendaklah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dan sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman sebagai pensyarah. Fakulti perlu mencadangkan sekurang-kurangnya **dua** orang nama pemeriksa untuk dibawa ke Mesyuarat JPS.
- **Pemeriksa Luar** hendaklah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti perlu mencadangkan sekurang-kurangnya **dua** orang nama pemeriksa untuk dibawa ke Mesyuarat JPS. Nama pemeriksa yang tiada di dalam bank pemeriksa perlu dibawa ke Mesyuarat Senat untuk kelulusan. Cadangan nama pemeriksa bergred DS54 ke atas sahaja akan dibawa kecuali kes-kes khas.

1.4.3 Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus (dua orang Pemeriksa Dalam):

- **Pemeriksa Dalam** hendaklah mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dan sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** pengalaman sebagai pensyarah. Fakulti perlu mencadangkan sekurang-kurangnya **tiga (3)** orang nama pemeriksa untuk dibawa ke Mesyuarat JPS.
- Bagi pemeriksa yang tidak mempunyai kelayakan Doktor Falsafah tetapi mempunyai pengalaman menyelia pelajar Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus sekurang-kurangnya **lima** tahun, boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai pemeriksa. Pelantikan ini hendaklah dipertimbangkan secara *case by case* dan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

1.5 Kakitangan akademik **tidak boleh dilantik** sebagai Pemeriksa Dalam/Luar bagi disertasi/tesis jika:

1.5.1 mereka pernah terlibat dengan penyelidikan yang berkaitan topik kajian pelajar atau pernah menjadi penyelia pelajar dalam tempoh **dua tahun** terakhir;
(Senat Kali Ke-177 Bil. 4/2019 bertarikh 16 April 2019)

1.5.2 mereka terlibat sebagai **penulis bersama** dengan pelajar dalam sebarang artikel yang berkaitan dengan topik penyelidikan pelajar;
(Senat Kali Ke-177 Bil. 4/2019 bertarikh 16 April 2019)

1.5.3 kakitangan akademik yang mempunyai **hubungan** keluarga dengan pelajar atau penyelia.
(Senat Kali Ke-177 Bil. 4/2019 bertarikh 16 April 2019)

1.5.4 kakitangan akademik yang pernah berkhidmat di UPSI kecuali selepas **tiga tahun** perkhidmatan tamat di UPSI.

1.6 Nama pemeriksa yang dilantik tidak boleh dimaklumkan kepada pelajar dan penyelia. Sekiranya penyelia dan pelajar mengetahui nama pemeriksa yang dilantik, mereka tidak dibenarkan untuk menghubungi pemeriksa sewaktu tempoh pemeriksaan. Tindakan akan diambil sekiranya pihak IPS menerima aduan daripada pemeriksa.

2. Tempoh pemeriksaan disertasi/tesis

- 2.1 **Ijazah Doktor Falsafah** – tempoh pemeriksaan ialah selama **dua** bulan. Pemeriksa boleh memohon tambahan masa untuk memeriksa tesis pelajar sekiranya tempoh yang diberi telah tamat. Pemeriksa baru akan dilantik sekiranya pemeriksa asal menolak untuk memeriksa disertasi/tesis.
- 2.2 **Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan** – tempoh pemeriksaan ialah selama **dua** bulan. Pemeriksa boleh memohon tambahan masa untuk memeriksa tesis pelajar sekiranya tempoh yang diberi telah tamat. Pemeriksa baru akan dilantik sekiranya pemeriksa asal menolak untuk memeriksa disertasi/tesis.
- 2.3 **Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus** – tempoh pemeriksaan ialah selama **satu** bulan sahaja. Pemeriksa boleh memohon tambahan masa untuk memeriksa tesis pelajar sekiranya tempoh yang diberi telah tamat. Pemeriksa baru akan dilantik sekiranya pemeriksa asal menolak untuk memeriksa disertasi/tesis.
- 2.4 Tempoh pemeriksaan dikira dari tarikh surat lantikan dihantar oleh pihak IPS kepada pemeriksa dan bukan dari tarikh pelajar menyerahkan disertasi/tesis awal kepada pihak IPS. Tesis hanya akan dihantar kepada pemeriksa selepas mendapat kelulusan mesyuarat JPS, Senat dan *persetujuan pemeriksa sendiri.

*Fakulti diminta untuk tidak mencalonkan nama pemeriksa yang sama secara kerap dalam tempoh masa yang singkat. Sekiranya tercalon, kebarangkalian untuk pemeriksa menolak lantikan adalah sangat tinggi dan sekiranya pemeriksa menerima lantikan untuk memeriksa disertasi/tesis tersebut, tempoh masa yang dikehendaki untuk pemeriksaan adalah lebih lama.
- 2.5 Sekiranya tempoh pemeriksaan (termasuk tempoh lanjutan) yang diberikan kepada pemeriksa tidak dipatuhi, pihak IPS akan melantik pemeriksa daripada senarai simpanan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat JPS atau Senat dan lantikan pemeriksa sedia ada akan terbatal. Tempoh pemeriksaan yang diberikan adalah sama mengikut program. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes tertentu di mana pihak IPS terpaksa mengekalkan pemeriksa asal dan memberi tempoh masa yang lebih panjang bagi proses pemeriksaan.

3. Tanggungjawab Pemeriksa

- 3.1 Pemeriksa Dalam yang telah dilantik tidak boleh menolak pelantikan sebagai pemeriksa kecuali atas alasan kesihatan atau disebabkan ketidaksesuaian bidang kepakaran pemeriksa dengan penyelidikan pelajar.
(Senat Kali Ke-177 Bil. 4/2019 bertarikh 16 April 2019)
- 3.2 Pemeriksa perlu menyediakan laporan yang dapat membantu pelajar untuk melakukan pembetulan.
- 3.3 Laporan pemeriksaan perlu diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak IPS.
- 3.4 Laporan pemeriksaan yang disediakan perlu mengikut keperluan/format yang telah ditetapkan oleh pihak IPS.
- 3.5 Pemeriksa perlu memastikan borang-borang yang telah diberi oleh pihak IPS dilengkapkan sebelum diserahkan semula kepada pihak IPS bagi memastikan tidak timbul masalah daripada segi pelaksanaan mesyuarat viva, pengurusan bayaran pemeriksa dan lain-lain yang berkaitan.
- 3.6 Sekiranya pemeriksa tidak dapat hadir ke mesyuarat viva, pemeriksa harus memastikan pemeriksa boleh dihubungi sewaktu sesi viva sedang berlangsung sekiranya perlu.
- 3.7 Pemeriksa Luar **tidak perlu hadir** semasa pembentangan disertasi pelajar Sarjana Mod Penyelidikan dalam Jawatankuasa Viva sekiranya laporan penilaian yang diberikan oleh Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam adalah pembetulan kecil.
(Senat Kali Ke-179 Bil. 6/2019 bertarikh 18 Jun 2019)